

## **DATASONIC MENYUMBANG KE ARAH AGENDA SUKAN NEGARA BERSAMA GOLONGAN KURANG BERKEMAMPUAN**

KUALA LUMPUR, 1 Oktober 2022 – Datasonic mengadakan program inisiatif tanggungjawab sosial korporat, “Fantastic 4 Lawn Bowls Tournament” bersama pelajar-pelajar dari Asrama Darul Falah PERKIM (ASDAF). Kejohanan ini telah diadakan di Kompleks Sukan Negara Bukit Kiara dan diserikan dengan kehadiran Presiden Persekutuan Lawn Bowls Malaysia, Datuk Awalan Abd Aziz.

“Datasonic sentiasa berbangga sebagai penyedia perkhidmatan kepada negara. Kejohanan ini juga adalah sebahagian daripada sumbangan kami untuk agenda sukan negara dengan menyediakan akses permainan ini untuk pelajar ASDAF dan secara tidak langsung dapat menghebahkan tentang sukan ini kepada rakyat Malaysia,” kata Safia Hanifah, Naib Presiden Eksekutif Komunikasi Strategik, Datasonic Group Berhad. “Terdapat banyak kelebihan lain daripada sekadar bermain boling padang di sini. Pelajar ASDAF diberikan peluang untuk mempelajari kemahiran yang sama seperti yang telah diasah oleh atlet kebangsaan kita melalui pengalaman ini. Ia juga membolehkan para pelajar serta yang lain didedahkan kepada permainan ini sebagai salah satu sukan yang menyumbang pingat buat negara kita.”

Awal tahun ini, Datasonic telah menganjurkan beberapa program bersama ASDAF seperti sumbangan *Back-to-School* dan Majlis Iftar Ramadhan Datasonic dengan matlamat untuk menyumbang kepada komuniti setempat. Kejohanan ini yang menyaksikan penyertaan bersama anggota Datasonic, ASDAF, atlet kebangsaan Boling Padang dan rakan media juga merupakan sebahagian daripada usaha tanggungjawab sosial korporat untuk tahun ini.

ASDAF merupakan fasiliti khas untuk menempatkan dan menjaga anak-anak orang asli di peringkat menengah bagi tujuan pendidikan dan kebajikan. Bertempat di Bukit Persekutuan, Kuala Lumpur, buat masa ini ASDAF menempatkan 48 pelajar dari negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Kebanyakan daripada mereka juga adalah daripada golongan susah dan anak yatim.

Peserta kejohanan ini akan bertanding mengikut format *Open Mix Force* di antara 12 pasukan yang terdiri daripada lima (5) orang dan dibantu oleh atlet-atlet kebangsaan. Sepuluh (10) pasukan adalah daripada ASDAF dan Datasonic manakala dua (2) pasukan lagi daripada rakan media. Seramai 23 orang pelajar ASDAF yang lain akan menyertai *Lawn Bowls Clinic* yang berlangsung serentak dengan kejohanan ini.